



DR 10 TAHUN 2014  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PERALATAN OPERASI YANG TIDAK DIGUNAKAN**  
***– COBRA CUTTING EXTINGUISHER***

- KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN &  
KERAJAAN TEMPATAN-





**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan ( <i>Cobra Cutting Extinguisher</i> ) Oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	19
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 3/2014 pada Khamis 23 Januari 2014	21
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 3/2014 pada Khamis 23 Januari 2014	



LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
TERHADAP PERALATAN OPERASI YANG TIDAK DIGUNAKAN  
(COBRA CUTTING EXTINGUISHER) OLEH JABATAN BOMBA &  
 PENYELAMAT MALAYSIA  
(KHAMIS, 23 JANUARI 2014)**

**1. LATAR BELAKANG**

Kajian Audit terhadap pengurusan kenderaan dan jentera Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012, Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013. Perolehan 4 CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* yang merupakan alat kelengkapan yang digunakan oleh JBPM bagi membantu kerja-kerja operasi pemadam kebakaran dan penyelamatan di bangunan dan kenderaan dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.68 juta adalah tidak dirancang dengan baik dan menyebabkan peralatan tidak dapat digunakan, Kerajaan tidak mendapat *value for money* dan berlaku pembaziran wang negara. PAC telah memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) TKP(O) JBPM berserta Penolong Pesuruhjaya Bomba yang terlibat semasa proses perolehan peralatan ini dalam Mesyuarat PAC Bilangan 3/2014 pada 23 Januari 2014.

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG NEGARA (PAC)**

PAC telah membincangkan isu pengurusan aset JBPM yang telah dibangkitkan dalam Perenggan 16 LKAN Tahun 2012, Siri 1, iaitu Pengurusan Kenderaan dan Jentera JBPM oleh KPKT. Selaras

dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;
- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 1;
- b) Memanggil pihak yang terlibat dalam aktiviti perolehan dan pengurusan kenderaan dan jentera JBPM iaitu Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM serta Penolong Pesuruhjaya Bomba dari JBPM untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan

- c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

## **4. HASIL PERBINCANGAN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KPKT dan JPBM dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **4.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)**

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap pengurusan kenderaan dan jentera di JBPM.

- a) Setakat bulan September 2012, JBPM memiliki sejumlah 3,164 unit kenderaan dan jentera pelbagai fungsi meliputi 559 unit atau 17.7% jentera bomba, 316 unit atau 10% kenderaan jentera khas, 1,903 unit atau 60.1% kenderaan utiliti, 378 unit atau 11.9% kenderaan marin dan lapan pesawat. Nilai aset keseluruhan berjumlah RM1.397 bilion.
- b) Secara keseluruhannya pengurusan kenderaan dan jentera JBPM berada pada tahap memuaskan, di mana 83% daripada kenderaan dan jentera di lima buah negeri yang dilawati berusia kurang daripada 15 tahun. Penerimaan kenderaan dan jentera telah diuruskan dengan teratur dan

laporan bulanan seperti Laporan Kedudukan Kenderaan, Laporan Prestasi *Response Time* dan Laporan Penggunaan Minyak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

- c) Bagaimanapun, beberapa kelemahan perlu diberikan perhatian iaitu:
- (i) Prestasi perkhidmatan udara dan norma keluaran darat tidak dapat dicapai;
  - (ii) Sebanyak 53 atau 96% daripada balai bomba tidak memenuhi norma keperluan kenderaan jentera yang telah ditetapkan;
  - (iii) Pengagihan tidak mengikut perancangan asal;
  - (iv) Pangkalan Udara Bertam tidak digunakan sepenuhnya dan kualiti pembinaan tidak memuaskan;
  - (v) Terdapat kelemahan di dalam mengawal setiap pergerakan peralatan operasi di JBPM Negeri dan balai bomba;
  - (vi) Pengurusan peralatan operasi skuba dan alat ganti kenderaan jentera kurang memuaskan; dan
  - (vii) Pengurusan berkaitan penyelenggaraan kenderaan jentera kurang memuaskan dan pengurusan pelupusan bagi kenderaan, jentera, alat ganti pesawat atau kenderaan adalah kurang memuaskan.

- d) Pemeriksaan Audit pada 4 September dan 25 September 2012 mendapati sebanyak empat CCS Cobra Cutting Extinguisher bernilai RM1.68 juta, setiap satu bernilai RM0.42 juta yang dibeli melalui rundingan terus pada tahun 2006 tidak digunakan di empat lokasi Balai Bomba Dan Penyelamat (BBP) seperti jadual berikut:

**Jadual 1: Lokasi Balai Bomba Penyelamat**

Bil.	Lokasi Balai Bomba & Penyelamat	Tarikh Lawatan Audit
1.	Balik Pulau, Pulau Pinang	04 .09. 2012
2.	Teluk Bahang, Pulau Pinang	04 09. 2012
3.	Sipitang, Sabah	25.09. 2012
4.	Papar, Sabah	25.09 2012

Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan tempoh kerosakan yang berlaku serta tindakan pemberian mahupun tindakan pelupusan diambil terhadap peralatan ini. Perkara ini telah dibawa ke Jawatankuasa Tindakan yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan juga Ketua Setiausaha Negara. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada terdapat sebarang permohonan untuk hapus kira dan adakah Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan hapus kira tersebut.

- e) JBPM melakukan perolehan ini setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 6 Februari 2006. Pada peringkat awal JBPM telah menolak tawaran perolehan peralatan ini daripada KPKT melalui surat bertarikh 13

Februari 2006. Pada 22 Februari 2006, JBPM telah memaklumkan kepada pihak Kementerian Kewangan bahawa pihak beliau tidak memerlukan peralatan ini kerana ianya tidak termasuk di dalam perancangan JBPM di bawah

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe 9) . Di samping itu, JBPM tidak mempunyai keperluan yang mendesak untuk memperoleh peralatan ini. Kronologi perolehan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**Jadual 2: Kronologi Perolehan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300***

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	3 Februari 2006	Tawaran pembelian peralatan keselamatan CCS <i>Cobra Cutting Extinguisher E300</i> oleh Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd ini telah dimintikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyatakan bahawa pihak bomba mengakui kebaikan alat yang berteknologi tinggi ini dan pihak bomba sepatutnya memiliki peralatan ini.
2.	6 Februari 2006	Kelulusan perolehan secara Rundingan Terus dari Kementerian Kewangan, dengan syarat ada keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah diserahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada ketika itu, Dato' Ahmad Fuad bin Ismail bagi perolehan CCS <i>Cobra Cutting Extinguisher E300</i> , dan ianya diperolehi daripada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd.
3.	13 Februari 2006	Satu surat penolakan tawaran telah dikeluarkan oleh Jabatan Bomba kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana Jabatan Bomba tidak menyenaraikan perancangan perolehan tersebut dalam RMKe-9.
4.	22 Februari 2006	Satu surat penolakan tawaran telah dibuat oleh Jabatan Bomba kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, kerana tiada keperluan yang menyatakan untuk memperolehi peralatan tersebut. Ini adalah kerana keutamaan diberikan kepada pembinaan

Bil.	Tarikh	Perkara
		balai-balai lama dan penggantian kenderaan dan jentera yang telah mencapai tahap <i>beyond economic repair</i> .
5.	22 Jun 2006	Lembaga Perolehan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bersetuju menerima keputusan rundingan harga yang diberikan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd.
6.	28 Jun 2006	Surat setuju terima telah dikeluarkan kepada kontraktor Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn.Bhd, dan telah ditandatangani pada 6 Julai 2006 bagi pembelian 24 unit CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 yang bernilai RM9.98 juta.
7.	23 Ogos 2006	Kontrak telah ditandatangani dengan Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn.Bhd. untuk pembelian 24 unit Cobra Cutting Extinguisher tersebut.
8.	29 November 2006	Mesyuarat rundingan harga bagi tambahan pembelian 92 unit CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 telah diadakan dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) pada ketika itu.
9.	10 Januari 2007	Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi perolehan tambahan 92 unit CCS Cobra Cutting Extinguisher E300.
10.	12 Januari 2007	Surat setuju terima telah dikeluarkan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn.Bhd. bagi tambahan pembelian 92 unit CCS Cobra Cutting Extinguisher E300. Surat setuju terima tersebut juga telah ditandatangani pada 12 Januari 2007.

### **Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013**

JBPM telah pun menerima perolehan ini melalui proses rundingan terus pada tahun 2006 dengan nilai kontrak berjumlah RM9,980,000 (10 set) dan kontrak tambahan RM38,649,000 (92 set) di mana Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. telah membekalkan sejumlah 102 set peralatan ini. JBPM telah membuat perolehan ini melalui kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 6 Februari 2006, walaupun pada peringkat awal JBPM telah menolak tawaran pembelian peralatan ini kepada

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 13 Februari 2006 dan 22 Februari 2006 kepada pihak Kementerian Kewangan memandangkan ianya tidak termasuk di dalam perancangan JBPM di dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) serta JBPM tidak mempunyai keperluan mendesak bagi memperolehi peralatan tersebut. Pemasangan peralatan ini pada jentera bomba telah pun menimbulkan banyak masalah antaranya ialah jentera menjadi senget, keberatan bertambah, kebocoran pada badan jentera dan masalah teknikal yang lain. Tambahan lagi peralatan-peralatan sedia ada sudah memadai untuk digunakan bagi tujuan memadam kebakaran dan menyelamat. Di samping itu juga boleh mendorong bahaya kepada pengguna kerana working pressure yang tinggi antara 260 hingga 300 bar.

JBPM dalam tindakan untuk mengeluarkan peralatan ini daripada jentera dan akan dipasang pada kenderaan-kenderaan yang lain. Bagi peralatan-peralatan yang rosak dan melibatkan kos penyenggaraan yang tinggi, ia dicadangkan untuk dilupuskan.

#### **4.2 Pemeriksaan lanjut oleh Bahagian Susulan Audit (BSA) Jabatan Audit Negara.**

- a) CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 menggunakan kuasa jet air bertekanan tinggi pada tahap 300 bar bersama-sama campuran bahan abasive yang berkeupayaan memotong dinding konkrit, besi, kayu, seramik dan getah serta penyemburan air. Ianya dipasang pada 116 unit kenderaan bomba jenis Fire Rescue Tender di seluruh negara bagi meningkatkan tahap kecekapan sewaktu beroperasi. Alat ini menggunakan working pressure air yang tinggi antara 260 hingga 300 bar berbanding peralatan yang sedia ada antara 7 hingga 12 bar dan maksimum adalah 70 bar sahaja. Peralatan ini adalah rekaan dari pengilang negara Sweden.

- b) Pada 14 Februari 2008, Bahagian Kejuruteraan JBPM telah memaklumkan melalui Mesyuarat *Morning Prayer* bahawa pemasangan peralatan *CCS Cobra Cutting Extinguisher E300* pada jentera bomba jenis Nissan telah menyebabkan ianya mengendur sebelah kerana pertambahan berat 500 kg. Bagaimanapun, tiada tindakan susulan terhadap laporan Bahagian Kejuruteraan JBPM tersebut.
- c) Pada 28 Mei 2008, kajian kekuatan dan kesesuaian kenderaan oleh PUSPAKOM mendapat 41 daripada 62 unit yang dihantar telah gagal ujian kestabilan PUSPAKOM.
- d) Pada 16 Mei 2013, Mesyuarat Penyelarasan Pelupusan *CCS Cobra Cutting Extinguisher E300* dimaklumkan oleh Bahagian Kejuruteraan JBPM bahawa kos menanggalkan seunit peralatan tersebut adalah antara RM8,000 – RM10,000. Oleh itu, mesyuarat memutuskan peralatan tersebut ditanggalkan daripada 30 buah jentera FRT Scania dan pembaikan semula dilakukan kerana FRT Scania adalah jentera yang masih baru. Manakala *CCS Cobra Cutting Extinguisher E300* Cobra yang dipasang kepada 82 unit FRT Nissan merupakan jentera lama dan dalam proses pelupusan. Arahan permohonan pelupusan semua jentera dihantar ke PUSPAKOM bagi tujuan pemeriksaan.
- e) Peralatan ini telah dipasang di jentera/kenderaan Bomba. Peralatan ini tidak digunakan kerana didapati telah rosak. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan tempoh kerosakan yang berlaku serta tiada bukti menunjukkan tindakan pembaikan mahupun tindakan pelupusan diambil terhadap peralatan ini.

#### **4.3 Ulasan Jabatan Audit Negara**

- a) Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan operasi dan peralatan di balai bomba adalah kurang memuaskan. Tiada bukti menunjukkan peralatan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* digunakan sejak ianya dibeli iaitu pada bulan Julai 2006 hingga April 2013. Di samping itu tiada bukti menunjukkan tindakan pemberian, pelupusan diambil terhadap peralatan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300*.
- b) Perolehan yang tidak dirancang telah menyebabkan berlakunya pembaziran. Sebanyak 116 peralatan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* yang dibeli sejak bulan Julai 2006 berjumlah RM48.63 juta adalah satu pembaziran kerana ianya tidak diperlukan oleh JBPM dan ia nya tidak digunakan sehingga kini.

#### **4.4 Jawapan Jabatan Perkhidmatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JPBM)**

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada JPB M bertarikh 8 Mac 2013, menyatakan:

- JPB M telah pun menerima perolehan ini melalui proses rundingan terus pada tahun 2006 dengan nilai kontrak RM9.98 juta untuk 10 set dan kontrak tambahan bernilai RM38.65 juta untuk 92 set. Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd telah membekalkan sejumlah 102 set peralatan ini.
- Pemasangan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* pada jentera bomba telah menimbulkan masalah seperti jentera

menjadi senget, keberatan bertambah, kebocoran pada badan jentera dan masalah teknikal.

- CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna kerana *working pressure* yang tinggi antara 260 hingga 300 bar.
- JBPM dalam tindakan untuk mengeluarkan peralatan ini daripada jentera dan akan dipasang pada kenderaan yang lain.
- Bagi peralatan yang rosak dan melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi ia dicadangkan untuk dilupuskan atau dihapus kira.
- Peralatan yang sedia ada sudah memadai untuk digunakan bagi tujuan memadam kebakaran dan menyelamat.

#### **4.5 Keterangan Oleh Ketua Setiausaha KPKT dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia**

- a) Ketua Setiausaha KPKT mengucapkan terima kasih kepada ahli Mesyuarat dan memperkenalkan dua orang pegawai dari JBPM iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM dan Penolong Pesuruhjaya Bomba. TKP (Operasi) menjelaskan isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 1 iaitu mengenai latar belakang peralatan, perolehan CCS *Cobra Cutting*

*Extinguisher E300*, Proses rundingan terus dan Perolehan CCS Cobra bagi 116 set ( 24 set dan 92 set).

### i) Latarbelakang Peralatan

- Pada peringkat awal JPBM tiada perancangan dan tiada keperluan untuk membeli peralatan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300*. Walau bagaimanapun satu jawatankuasa dilantik oleh Ketua Setiausaha KPKT pada ketika itu iaitu Datuk Ahmad Fuad Bin Ismail untuk melihat peralatan tersebut. Seterusnya melantik Jawatankuasa Rundingan Harga setelah mendapat surat dari Kementerian Kewangan.
- CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* telah digunakan di negara Sweden dan ketika berlakunya peristiwa kemalangan di *Highland Tower*, ianya dibawa ke Malaysia dan digunakan untuk tujuan pemotongan. Pada ketika itu ujian dijalankan dengan menggunakan *pump* kereta milik JPBM. Peralatan ini menggunakan pam dimana ianya mempunyai *nozzle* dan *gun* serta *abrasive* untuk tujuan pemotongan tembok dan sebagainya.
- Permintaan Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd agar JBPM melakukan perolehan telah ditolak kerana ianya tiada dalam perancangan.

Bagaimanapun peruntukan untuk pembelian peralatan tersebut telah diluluskan dalam mesyuarat bajet tambahan, dan pada bulan Oktober 2006, peruntukan telah diberi.

ii) **Perolehan CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 bagi 116 set (24 set dan 92 set)**

- Pembelian 24 set yang pertama bagi CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 telah dilakukan pada tahun 2006. JPB M diberi peruntukan berjumlah RM50 juta untuk pembelian 92 set CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 yang seterusnya perolehan telah dilakukan pada Januari 2007.
- Secara keseluruhannya jumlah perolehan CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 adalah 116 set dengan kos berjumlah RM48.63 juta.

iii) **Penilaian Teknikal Ke atas Syarikat Pembekal**

- Penilaian teknikal ke atas Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd dilakukan berdasarkan kepada dokumen yang dikemukakan sahaja.
- Servicing ke atas CCS Cobra Cutting Extinguisher E300 dilakukan oleh anggota bomba berdasarkan kepada manual peralatan tersebut. Di samping itu latihan oleh pakar dari negara Sweden juga telah diberikan kepada anggota Bomba dan Penyelamat yang terlibat.

**iv) Penggunaan CCS Cobra Cutting Extinguisher E300**

- Model CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* ini adalah peralatan terkini dimana ianya dilengkapi dengan sistem yang dimilikinya sendiri seperti *genset, gun, hose reel* dan *abrasive*.
- Kesemua CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* telah dipasangkan pada kenderaan bomba. Peralatan ini boleh menjalankan 2 fungsi iaitu untuk pemotongan tembok yang menggunakan *abrasive* dan pemadamkan kebakaran dengan menggunakan alat *hose reel*.
- Memandangkan peralatan tersebut dipasangkan ke kenderaan yang sudah melebihi 10 tahun dan tidak beroperasi lagi maka ianya akan dilupuskan.
- Bagaimanapun sekiranya peralatan tersebut masih diperlukan, ia akan dipindahkan ke kenderaan bomba yang baru serta satu *hose reel* baru perlu dipasangkan. Kos pemasangan peralatan ke kenderaan baru bertambah antara 5% hingga 8% dari harga peralatan tersebut.
- Penggunaan CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300* ini tidak direkodkan kerana ianya dipasang bersama kenderaan. Sekiranya kegunaan untuk

tujuan pemadaman kebakaran, ia hanya menggunakan *hose reel*.

- Memandangkan keperluan untuk memotong konkrit ini jarang berlaku maka pihak JPB M lebih senang menggunakan *breaking tool* yang lain bagi tujuan pemotongan konkrit berbanding menggunakan *abrasive* melalui alat CCS *Cobra Cutting Extinguisher E300*. Kes kemalangan atau bencana alam seperti keruntuhan *Highland Tower* dan gempa bumi adalah yang amat sesuai untuk menggunakan *abrasive* dan alat tersebut bagi tujuan pemotongan konkrit.
- b) PAC turut membincangkan isu mengenai penglibatan Kementerian Kewangan dalam perolehan secara rundingan terus serta asas yang digunakan untuk memilih Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd, PAC juga telah meminta maklumat dari Kementerian Kewangan mengenai proses dalaman yang digunakan untuk menentukan bagaimana rundingan terus tersebut dibuat seperti penilaian terhadap syarikat dan sebagainya.

**PAC telah menerima jawapan balas daripada Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 18 Julai 2014.**

- c) PAC turut membincangkan isu mengenai penglibatan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dalam perolehan secara rundingan terus serta asas yang digunakan untuk memilih Syarikat

Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd, PAC juga telah meminta maklumat dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengenai proses dalaman yang digunakan untuk menentukan bagaimana rundingan terus tersebut dibuat seperti penilaian terhadap syarikat dan sebagainya.

**PAC telah menerima maklumbalas daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan melalui surat bertarikh 21 Ogos 2014 yang menjelaskan tentang peranan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia melalui dua surat lampiran bertarikh 13 Februari 2006 dan 22 Februari 2006.**

## **5. Rumusan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)**

5.1 Perolehan 116 set CCS Cobra adalah dianggap satu pembaziran kerana tidak sesuai dan tidak diperlukan.

5.2 Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 6 Februari 2006 telah mencadangkan dan meluluskan perolehan ini secara rundingan terus dengan syarat ada keperluan pihak Jabatan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia melalui surat bertarikh 22 Februari 2006 telah menolak keperluan perolehan peralatan ini. Perolehan ini juga tidak termasuk di dalam perancangan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe 9).

5.3 Walaupun Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah menolak keperluan peralatan ini dan tiada peruntukan dibawah RMKe-9, perolehan ini masih diteruskan.

5.4 Penilaian teknikal tidak dibuat secara keseluruhan kepada keperluan perolehan peralatan ini. Masalah kesesuaian peralatan ini dengan jentera bomba sedia ada tidak diteliti.

5.5 Penilaian terhadap syarikat pembekal iaitu Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya tidak dibuat khususnya dari segi *track record* penggunaan peralatan di negara-negara lain.

5.6 Secara keseluruhannya, PAC mendapat terdapat beberapa kekeliruan tentang proses dan prosedur berkaitan perolehan peralatan ini.

## **6. Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)**

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC mencadangkan:

6.1 PAC menyarankan supaya Kementerian Kewangan mengambil kira maklumbalas tentang keperluan daripada Jabatan terlebih dahulu sebelum meluluskan sebarang perolehan peralatan yang diluar daripada perancangan Jabatan. Satu kajian kemungkinan perlu dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan terdapat keperluan untuk menangani krisis seperti kebakaran, keruntuhan bangunan serta kejadian kemalangan yang diluar jangkaan.

6.2 Kementerian Kewangan perlu menyiasat punca berlakunya kes pembaziran ini dan mengambil tindakan ke atas pegawai yang

bertanggungjawab atas perolehan peralatan *Cobra Cutting Extinguisher E300*.

6.3 Rantaian arahan terhadap perolehan ini tiada kesinambungan dan tidak jelas dan terputus dari segi dokumentasi yang boleh membawa kepada ketidakpatuhan tatacara perolehan dan pembaziran.

6.4 SPRM menyiasat perolehan ini dengan tujuan untuk memastikan ketelusan bagi perolehan berkenaan.

### **Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.1.	Perolehan 116 set CCS Cobra adalah dianggap satu pembaziran kerana tidak sesuai dan tidak diperlukan.
5.2	Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 6 Februari 2006 telah mencadangkan dan meluluskan perolehan ini secara rundingan terus dengan syarat ada keperluan pihak Jabatan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia melalui surat bertarikh 22 Februari 2006 telah menolak keperluan perolehan peralatan ini. Perolehan ini juga tidak termasuk di dalam perancangan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe 9).
5.3	Walaupun Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah menolak keperluan peralatan ini dan tiada peruntukan dibawah RMKe 9, perolehan ini masih diteruskan.
5.4	Penilaian teknikal tidak dibuat secara keseluruhan kepada keperluan perolehan peralatan ini. Masalah kesesuaian peralatan ini dengan jentera bomba sedia ada tidak diteliti.
5.5	Penilaian terhadap syarikat pembekal iaitu Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya tidak dibuat khususnya dari segi <i>track record</i> penggunaan peralatan di negara-negara lain.
5.6	Secara keseluruhannya, PAC mendapat terdapat beberapa kekeliruan tentang proses dan prosedur berkaitan perolehan peralatan ini.

PARA	RUMUSAN & SYOR
6.	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC mencadangkan:</p> <p>6.1 PAC menyarankan supaya Kementerian Kewangan mengambil kira maklumbalas tentang keperluan daripada Jabatan terlebih dahulu sebelum meluluskan sebarang perolehan peralatan yang diluar daripada perancangan Jabatan. Satu kajian kemungkinan perlu dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan terdapat keperluan untuk menangani krisis seperti kebakaran, keruntuhan bangunan serta kejadian kemalangan yang diluar jangkaan.</p>
6.2	<p>Kementerian Kewangan perlu menyiasat punca berlakunya kes pembaziran ini dan mengambil tindakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab atas perolehan peralatan <i>Cobra Cutting Extinguisher E300</i>.</p>
6.3	<p>Rantaian arahan terhadap perolehan ini tiada kesinambungan dan tidak jelas dan terputus dari segi dokumentasi yang boleh membawa kepada ketidakpatuhan tatacara perolehan dan pembaziran.</p>
6.4	<p>SPRM menyiasat perolehan ini dengan tujuan untuk memastikan ketelusan bagi perolehan berkenaan.</p>

# **AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

- Mesyuarat PAC Bil 3/2014 Pada Khamis 23 Januari 2014



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BIL 3/2014 PADA KHAMIS 23 JANUARI 2013**  
**DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<b>23 Jan 2013 (Khamis)</b>		
<b>10.30 pagi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan Loji Insinerator (<i>sambungan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bil 7/2013 pada Selasa 3 Disember 2013</i>)</li> <li>▪ Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan – <i>Cobra Cutting Extinguisher</i></li> </ul>	<b>Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan &amp; Kerajaan Tempatan</b>



# **LAPORAN PROSIDING**

- Mesyuarat PAC Bil 3/2014 Pada Khamis 23 Januari 2014



Bil. 3

Khamis  
23 Januari 2014



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan  
- *Cobra Cutting Extinguisher*

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan & Kerajaan Tempatan

PARLIMEN KETIGABELAS  
PENGGAL KEDUA



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
KHAMIS, 23 JANUARI 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
 YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]  
 YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
 YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
 YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
 YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
 YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
 YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
 YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
 YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
 YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

- *Pengerusi*  
 - *Timbalan Pengerusi*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
 YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
 YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
 YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Mohd Ikram bin Seri@Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
 Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
 Encik Alfiyan bin Mesebah [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
 Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik, Parlimen]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
 Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
 Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit]  
 Puan Farida Veerankutty [Juruaudit]  
 Encik Zakaria Md Alip [Penolong Juruaudit]  
 Puan Norashikin Jamaludin [Penolong Juruaudit]  
 Puan Siti Fatimah Rahmat [Penolong Juruaudit]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]

samb/-

---

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

**Jabatan Akauntan Negara**

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA]**

Encik Mohd Azraie bin Harun [Ketua Unit Integriti JPA]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Encik Saiful Anuar Lebai Hussen [Pengarah Seksyen Perkhidmatan Sosial]

Puan Adena Ahmad [Ketua Penolong Pengarah Seksyen Sosial]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan**

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya [Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara]

Encik Rahim bin Mohayidin [Ketua Penolong Pengarah

(Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek)]

Encik Azahar Mohd [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Dasar dan Perancangan)]

Encik Muhamad Zaini Hasnan [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Fathiah Abdullah [Penolong Jurutera Tinggi]

Encik Muhammad Fadly bin Ahmad Usul [Penolong Pengarah

(Bahagian Dasar dan Perancangan)]

Puan Noraini binti Abd. Rani [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]

Encik Noorfandi bin Rahmat [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Teknikal)]

Encik Ahmad Shukri Abdul Hamid [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]

Encik Krishna Kumar [Pegawai Penyelaras]

Encik Zammeri bin Sahar [Penolong Pengarah Kanan]

Encik Mohd Syariffudin bin Mohd. Shariff [Pegawai Tugas-tugas Khas]

**Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan**

Prof. Dr. Rozainee Taib [Ahli Jawatankuasa]

Dr. Sivapalan Kathiravale [*Principal Analyst – Emerging Technology*]

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**

YBhg. Dato' Mahadi Md. Ali [Timbalan Ketua Pengarah Operasi]

Encik. Hamdan bin Ali [Penolong Pesuruhjaya Bomba]

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA**

**Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Khamis, 23 Januari 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.40 pagi**

**[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Memandangkan kuorum sudah cukup, saya rasa boleh kita mulakan prosiding ini, cuma saya hendak memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa saya telah meminta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk juga menyediakan sedikit penjelasan mengenai isu pengurusan aset dalam bomba. Saya sudah minta mereka datang *briefing*, jadi saya rasa kita boleh buat *briefing* insinerator dahulu dan kalau ada masa tambahan, kita dapatkan sedikit penjelasan mengenai pengurusan aset dalam bomba ini. Jadi, sebelum kita mulakan Mesyuarat, kuorum cukup ya?

**Seorang Ahli:** Kuorum cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Cukup. Yang Berhormat Kepong, Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari. Pada hari ini kita akan mendengar taklimat daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai pengurusan loji insinerator, sambungan kepada taklimat yang lepas. Kita sepatutnya fokus kepada isu-isu yang tertangguh daripada yang lepas ya.

Saya rasa isu yang timbul adalah mengenai teknologi insinerator, mengenai teknologi yang digunakan itu tidak mampan, tidak efektif dan selepas itu kontrak yang diberikan, sekali gus diberikan kontrak yang bernilai RM200 juta kepada syarikat tersebut. Selepas itu dari segi pencemaran, *environmental issue*, dari segi pengurusan dalam insinerator itu sendiri, nampaknya pengurusan sumber manusia, *human resource* dalam sistem insinerator ini pun tidak mantap dan akhirnya kita boleh fokus juga kepada *going forward*. Kementerian telah mengumumkan baru-baru ini banyak lagi insinerator yang akan dibuat di seluruh negara terutamanya di Kepong ya, yang akan datang ini. Jadi, kita hendak tanya juga apakah perancangan kementerian, *way forward* bagi mereka melaksanakan program pengurusan loji insinerator ini tanpa membuat kesilapan yang lepas.

Selepas itu, baru saya hendak meminta kementerian untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai isu pengurusan aset di bomba itu. Jadi, sebelum kita mulakan, sebelum kita panggil KSU ini, saya minta Datuk Haji Anwari kalau boleh bagi sedikit, kita *briefing on bomba* punya isu iaitu pengurusan aset di bomba.

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Penggerusi PAC, Timbalan Penggerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jadi, saya akan memperjelaskan sedikit sebanyak mengenai hasil kajian terhadap pengurusan kenderaan dan jentera di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan diberikan secara profesional dalam melindungi nyawa, harta benda dan alam sekitar serta mengikut piawaian perlindungan kebakaran yang ditetapkan. Kenderaan dan jentera bomba merupakan elemen penting untuk memastikan sesuatu pelaksanaan operasi mencapai kejayaan. Setiap kenderaan dan jentera perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia, digunakan secara optimum serta diselenggarakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi tujuan yang ditetapkan.

Jadi setakat bulan September 2012 semasa kajian kita, Jabatan Bomba dan Penyelamat memiliki sebanyak 3,164 unit kenderaan dan jentera pelbagai fungsi meliputi 559 unit atau 17.7% jentera bomba, 316 unit atau 10% kenderaan jentera khas, 1,903 unit atau 60.1% kenderaan utiliti, 378 unit atau 11.9% kenderaan marin dan lapan pesawat. Nilai aset keseluruhan RM1.397 bilion. Jadi, penemuan audit Yang Berhormat, pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kenderaan dan jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berada pada tahap memuaskan, di mana 83% daripada kenderaan dan jentera di lima buah negeri yang dilawati adalah berusia kurang daripada 15 tahun. Penerimaan kenderaan dan jentera telah diuruskan dengan teratur dan laporan bulanan seperti Laporan Kedudukan Kenderaan, Laporan Prestasi Response Time dan Laporan Penggunaan Minyak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian iaitu:

- (i) prestasi perkhidmatan udara dan norma keluaran darat tidak dapat dicapai;
- (ii) sebanyak 53 atau 96% daripada balai bomba tidak memenuhi norma keperluan kenderaan jentera yang telah ditetapkan;
- (iii) pengagihan tidak mengikut perancangan asal;
- (iv) Pangkalan Udara Bertam tidak digunakan sepenuhnya dan kualiti pembinaan tidak memuaskan;
- (v) terdapat kelemahan di dalam mengawal setiap pergerakan peralatan operasi di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri dan balai bomba;
- (vi) pengurusan peralatan operasi skuba dan alat ganti kenderaan jentera kurang memuaskan; dan

- (vii) pengurusan berkaitan penyelenggaraan kenderaan jentera kurang memuaskan dan pengurusan pelupusan bagi kenderaan, jentera, alat ganti pesawat atau kenderaan adalah kurang memuaskan.

Jadi, di sini saya akan fokus kepada satu isu penting yang telah dibawa ke Jawatankuasa Tindakan yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan juga Ketua Setiausaha Negara. Dalam laporan di sini, pada muka surat 338 dalam Laporan Audit Negara.

Peralatan operasi tidak digunakan. Pemeriksaan audit mendapati sebanyak empat *Cobra Cutting Extinguisher E300* bernilai RM1.68 juta, setiap satu bernilai RM0.42 juta yang dibeli melalui rundingan terus pada tahun 2006 tidak digunakan di empat lokasi balai bomba. Ini sampel audit. Kita tidak buat semakan secara menyeluruh.

**Tuan Pengerusi:** Total kontrak untuk ini berapa..., tidak tahu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi, total ini kita lihat RM1.68 juta.

**Tuan Pengerusi:** Total ya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi, keseluruhan dalam lebih RM40 juta.

**Tuan Pengerusi:** Lebih RM40 juta.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya... *figure*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, carilah untuk rekod kita.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya. Peralatan ini telah dipasang di jentera bomba dan digunakan untuk memecahkan dinding bangunan ketika operasi kebakaran dan menyelamat dilaksanakan. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memaklumkan peralatan ini tidak digunakan kerana didapati telah rosak. Bagaimanapun tidak ada bukti yang menunjukkan tempoh kerosakan yang berlaku serta tidak ada bukti menunjukkan tindakan pemberian mahupun tindakan pelupusan diambil terhadap peralatan ini.

Jadi, jawapan daripada pihak bomba bertarikh 8 Mac 2013, Jabatan Bomba telah pun menerima perolehan ini melalui proses rundingan terus pada tahun 2006 dengan nilai kontrak RM9.98 juta, 10 set dan kontrak tambahan RM38.649 juta bagi 92 set. Maknanya RM38 campur RM9 juta...

**Tuan Pengerusi:** Lebih kurang RM49 juta ya.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Di mana Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. telah membekalkan sejumlah 102 set peralatan ini. So, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat perolehan ini melalui kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 6 Februari 2006 walaupun pada peringkat awal Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menolak tawaran pembelian peralatan ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui surat bertarikh 13 Februari tahun 2006 dan 22 Februari 2006 kepada pihak Kementerian Kewangan memandangkan ianya tidak termasuk di dalam perancangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan serta Jabatan Bomba tidak mempunyai keperluan mendesak bagi memperoleh peralatan tersebut.

**■1050**

Pemasangan peralatan ini pada jentera bomba telah pun menimbulkan banyak masalah antaranya ialah jentera menjadi senget, keberatan bertambah, kebocoran pada badan jentera dan masalah teknikal yang lain. Tambah lagi peralatan-peralatan sedia ada sudah memadai untuk digunakan bagi tujuan memadam kebakaran dan menyelamat. Di samping itu boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna kerana *working pressure* yang tinggi antara 260 hingga 300 bar.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tindakan untuk mengeluarkan peralatan ini daripada jentera dan akan dipasang pada kenderaan-kenderaan yang lain. Bagi peralatan-peralatan yang rosak dan melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi ia dicadangkan untuk di lupsukan atau dihapus kira. Jadi, itulah yang telah dibangkitkan. Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan operasi dan peralatan di balai bomba adalah kurang memuaskan dan peralatan tidak diguna serta tiada bukti tindakan pemberian, pelupusan diambil terhadap peralatan *Cobra Cutting Extinguisher*. Di samping itu, perolehan yang tidak dirancang akan menyebabkan berlakunya isu pembaziran. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tadi Datuk kata fasal hasil daripada kerja jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara, ada tindakan diambil?...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, Ketua Audit Negara melalui jawatankuasa sudah panggil mereka yang terlibat ya. Jadi, kita tunggu laporan daripada Jawatankuasa itu?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa laporan sudah siapkan? Sudah panggil, sudah bagi maklum balas dan sudah buat rumusan bukan?

**Datuk Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Last*, ini bukan, ini sudah - laporan ini kan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think to be table next session is it?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Laporan ini telah ditabled. So, elok dibincangkan pada hari ini disebabkan perkara ini isu pembaziran, telah dipick up oleh jawatankuasa yang dilantik, yang dipengerusikan oleh...

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa itu, mereka sudah panggil balik untuk mengambil tindakan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya. Dalam keputusan...

**Tuan Pengerusi:** Ini jawatankuasa KSN atau jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Dua-dua sekali.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Dua-dua sekali sudah dipanggil. Hasil daripada penyiasatan kedua-dua jawatankuasa ini belum lagi di...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Hasilnya saya tidak adalah.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. *This is the Audit Report from the last year. Follow-up those two committees have already called the bomba to go through the matter. Akan tetapi they have not come up with their recommendations yet but today maybe if we want to ask the kementerian directly about this matter to show that we are looking into the matter, make it a serious matter.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sorry, saya tidak ada sangkaan jahat. Saya hendak *clarification* pendapat sahaja. Oleh sebab mengikut maklum balas, cara dia tulis macam ada Jabatan Bomba *not happy with* kementerian. Kementerian yang *recommend* peralatan ini, bukan? So, saya tidak berapa faham sebab ada ditulis di sini bahawa JBPM telah menolak tawaran pembelian alat ini kepada KPKT sebelum ini. Lepas itu lulus pula.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kajian ini macam Datuk Anwari sebut tadi, masa kita jalankan, kita hanya memeriksa peralatan itu empat unit sahaja yang bernilai RM400,000 each, lebih kurang. So, sebenarnya macam jawapan daripada kementerian, memang jabatan dan kementerian pun menulis surat dia menolak peralatan ini. Dia tidak mahu *because of condition* kerana dia kata *first*, dia tidak ada keperluan peralatan ini. Tiada keperluan untuk menggunakan. Kedua, dia tiada peruntukan untuk membeli...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, KPKT pun menolak?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ada dua surat. Pertama daripada jabatan menolak, hantar surat kepada *Treasury*.

**Tuan Pengerusi:** Pada 13 Februari?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Juga kepada kementerian pun ada menghantar surat menolak.

**Tuan Pengerusi:** Pada 22 Februari.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak. Dia kata kalau dia ada duit lebih baik dia beli peralatan jentera bomba ataupun membaiki balai-balai bomba. Itu yang jawapan kalau ada duit. Akan tetapi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Jadi, yang *missing link* dalam laporan ini, *why they* ubah fikiran? *Why they...*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Itulah Yang Berhormat, tiba-tiba datang peruntukan dan kena beli. Itu sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada surat yang kata paksa beli? Ada...

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan paksa beli. Dia kata Kementerian Kewangan beri dia duit. So, dia belilah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, Kementerian Kewangan bagi duit pun ada suratkan? Kalau hendak bagi duit pun takkan bagi kosong. *You* buat apa *you* nak. Kena ada surat. Ada surat atau tidak daripada pihak Kementerian Kewangan bila beri peruntukan kena beli barang ini?

**Puan Farida Veerankutty [Juruaudit, Jabatan Audit Negara]: Assalamualaikum Yang Berhormat. Actually kami only semak empat unit itu.**

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Farida Veerankutty:** Bila dia menjawab balik, *actually* dia membuka lagi cerita.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Perkara baru?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya. So, *on that part* kita tidak *in detail* lah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Masih belum siasat lagi?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Boleh saya dapatkan *clarification*, maklum balas dari Jabatan Bomba yang mengatakan nilai kontrak 10 set dulu, lepas itu ada kontrak tambahan. Dari segi masa itu, *is it within short period?*

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, kami minta maaf. *This is the answer from because* kami sudah habis audit. Bila kita *raised the query*, dia jawab dengan penjelasan di mana dia mengatakan *this is not their decision. Actually, according to them...*

**Datuk Chua Tee Yong:** Oh! Dia tidak cakap kontrak tambahan itu bila sampai, tidak adalah?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya fikir Tuan Pengerusi...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Keseluruhan sebenarnya, kalau mengikut itu adalah – yang kita buat empat tetapi akhirnya yang dibeli 102 unit - RM48 million.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada *testing*, tidak ada apa. *Just buy* sahaja...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pada saya Tuan Pengerusi, ada...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya rasa saya pernah mendengar ada *testing* dibuat tetapi *because it is very dangerous*. Kalau mengikut katanya, di dalam air sambil dia bubuh *bullet* macam batu dalam itu, untuk *pressure* bila dia sembur kepada dinding, dinding itu akan pecah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Itu Tuan pengerusi, saya fikir ada ciri-ciri yang perlu kita mendalami lagi. Oleh sebab pertamanya dan sebagaimana disebut tadi bomba sendiri tidak berminat dan menolak. Keduanya, ianya diperoleh melalui rundingan terus, jadi mengesyaki bahawa ianya tidaklah benda yang dimulakan- *not initiated by* Bomba tetapi daripada Kementerian atau yang lebih tinggi. Keduanya, ianya bukan tender terbuka, saya fikir perlu kepada...

**Tuan Pengerusi:** Jumlahnya pun RM50 million.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Akhirnya tidak digunakan. Kalau digunakan pun sekurang-kurangnya adalah juga positif *in the end*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bagi empat yang telah pun *diinspect* tidak pernah digunakan. Bagi empat yang telah pun di...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, dari segi penggunaannya hanya untuk latihan sahaja. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Ini saya pun hendak *clarification* mengenai surat menolak tawaran ini, Jabatan Bomba dihantar satu kepada kementerian dan satu kepada Kementerian Kewangan *directly* atau dihantar melalui Kementerian KPCT dari segi maklum balas ini, apa yang ditulis di sini.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Kita tidak bawa *Working Paper* tetapi saya ada tengok, baca surat. Dua surat. Satu daripada jabatan yang menolak dan satu daripada KPCT yang menolak. Dua.

■1100

**Tuan Pengerusi:** You mintalah *you* punya ofis, suruh mereka e-mel surat itu. Boleh kita tengok sekejap lagi, ya?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Saya minta... *[Disampuk]* Tidak apa, tidak apa.

**Seorang Ahli:** *It's okay. We just want to clarify. We just want to clarify.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi KPCT telah dimaklumkan untuk bersediahal mengenai hal bomba ini.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak. Tadi, suratnya daripada Jabatan Bomba kepada KPCT dan surat KPCT kepada kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Boleh *you* suruh ofis *you* hantarlah *and then* kita *print out*, kita tengok. Okey? So, kita...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Tuan Pengerusi, perolehan ini, perundingan terus ini ada tarikh dia tak..., tahun 2006 kan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kita akan cuba bagilah *because* kita ada satu unit baru, Unit Bahagian Susulan. Memang mereka bekerjasama dengan pihak SPRM dan lain-lain agensi seperti polis dalam membuat penyiasatan terhadap isu ini.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, kita hendak pasal kronologi, bukan? Ia dapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 6 Februari, menolak tawaran pada 13 Februari dan 22 Februari. Jadi, bila perolehan itu dibuat?

**Tuan Pengerusi:** ...Perolehan itu walaupun tahun 2006 tetapi *at the exact date*, kronologinya bila perolehan itu dibuat?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, kami ada sedikit maklumat kronologi. *Maybe* saya boleh *share...* *[Menyediakan paparan slaid]*

**Tuan Pengerusi:** Datuk Anwari, hari ini kita hendak *test* Jabatan Audit kalau disuruh buat *on the spot*, boleh buat atau tidak?... *[Ketawa]* Nampaknya boleh ya... *[Ketawa]* Semua maklumat *at the finger tips*.

**Puan Farida Veerankutty:** Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Pengerusi. So, ini adalah maklumat ringkas yang kami sediakan ketika Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan. So, basically daripada *information* yang kami peroleh, kaedah perolehan bagi Cobra ini is rundingan terus di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah ditawarkan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya. So, pada 3 Februari 2006...

**Tuan Pengerusi:** Minit perlu catat.

**Puan Farida Veerankutty:** ...Tawaran pembelian peralatan keselamatan Cobra oleh syarikat telah diluluskan, telah dibawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu. Surat syarikat itu mengandungi minit di mana Menteri Kewangan telah pun mencatatkan sebagai "Sila uruskan".

So, daripada minit tersebut, arahan daripada Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, pihak bomba akui kebaikan alat berteknologi tinggi dan moden ini. Pihak bomba *should have this kind of equipment.* "Saya setuju tawaran diberi kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya." That is the minute daripada petikan pada 2 Februari.

Selepas itu, surat Kementerian Kewangan telah diperoleh. Kelulusan Kementerian Kewangan kepada KSU KPCT pada ketika iaitu Yang Berbahagia Datuk Ahmad Fuad bagi perolehan peralatan CCS secara rundingan terus kepada syarikat pembekal iaitu Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya dan bertarikh 6 Februari 2006.

Pada 22 Februari 2006, surat penolakan tawaran oleh Bomba kepada KSP Kementerian Kewangan kerana tiada keperluan, keutamaan diberikan kepada pembinaan balai-balai bomba dan penggantian kenderaan. Maksudnya, mereka mengatakan mereka tidak memerlukan peralatan inilah. Surat bertarikh 22 Februari 2006.

Pada 13 Februari 2006, surat penolakan tawaran oleh bomba kepada KSU KPCT kerana JPM tidak menyenaraikan perancangan perolehan tersebut dalam RMKe-9. Pada 29 Jun 2006, keputusan Lembaga Perolehan KPCT, Bil.7/2006 telah bersetuju terima keputusan rundingan harga dengan Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya. Pada 28 Jun 2006, surat setuju terima dikeluarkan kepada pembekal dan ditandatangani pada 6 Julai 2006...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Macam mana ya? Surat keluar dahulu baru one day before keputusan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Betul tu.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Betul?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pada 29 dahulu, 28 kemudian.

**Puan Farida Veerankutty:** Itu berdasarkan surat yang kami vide daripada fail, Yang Berhormat. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Betul kah ini? Takkan Surat Setuju Terima keluar dahulu sebelum mesyuarat?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Surat sedia itu daripada siapa?

**Puan Farida Veerankutty:** ...Dan sebenarnya kontrak telah ditandatangani pada 23 Ogos untuk 20 unit yang pertama.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Pada 28 Jun ini surat setuju daripada siapa?

**Puan Farida Veerankutty:** Saya tidak dapat jawab. Kami tidak ada dokumen sokongan bersama kami.

**Tuan Pengerusi:** Macam ini. *Maybe we can ask the kementerian nanti, okey?*

**Tuan Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi, Jabatan Audit ada semak latar belakang syarikat ini atau tidak? Sama ada ia juga ada mempunyai urus niaga lain dengan Kementerian Perumahan, selain daripada perolehan *Cobra Cutting* ini?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Keadaan biasa memang kita akan semak tetapi saya *cannot recall*. Kena refer.

**Puan Farida Veerankutty:** Kami tidak menyemak secara *details because* ini adalah a *small findings* daripada kajian kami. So, *after* ditubuhkan jawatankuasa, siasatan lanjut sepatutnya dijalankan oleh kementerian dan maklumkan kepada kami.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. *We can ask the wakil kementerian apabila datang nanti.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Akan tetapi tarikh ini betul ya, Tuan Pengerusi? Pada 23 Ogos kontrak ditandatangani, pada 29 November, Mesyuarat Rundingan Harga. Betul ya tarikh ini?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang ini untuk perolehan kedua, 92 unit lagi. Seterusnya pada 12 Januari 2007, SST dikeluarkan untuk 92 lagi tambahan dan ditandatangani pada 1 Januari 2007.

**Tuan Pengerusi:** *Two letters from MoF lah? For the first batch and then for the second batch.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *From this, is it 24 plus 92 or..?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Catat perkara ini semua. Nanti apabila wakil kementerian masuk, kita tanya.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Because their information pun kadang-kadang is not, Audit punya information is only based on...*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Maklum balas...

**Tuan Pengerusi:** Maklum balas tetapi...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Maklum balas dia itu, macam tadi dia kata maklum balas 102. Akan tetapi sebenarnya kalau yang kita siasat is 116 kalau tidak silap saya, *116 all together*.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah.

**Datuk Chua Tee Yong:** *We check lah, that one is maklum balas.*

■1110

**Tuan Pengerusi:** *That is why, dia orang ini pun kadang-kadang tidak prepare.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang Berhormat, satu lagi persoalan sama ada Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan hapus kira. Itu satu soalanlah.

**Tuan Pengerusi:** Hapus kira untuk apa?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Barangalih.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *The whole barang, alat ini.*

**Tuan Pengerusi:** Lups, lups. Kementerian Kewangan pun bagi kebenaran hendak lupsukan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ada soalan-soalan lain? *I think it is good enough for us to ask after the incinerator punya testimoni. Okey. Jadi, kalau tidak ada apa-apa lagi kita boleh panggil wakil kementerian. Terima kasih.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi sebentar, hendak perbetulkan tadi. Yang tarikh tadi itu kita sudah *confirm* pejabat, dia terbalik, yang tadi itu terbalik. Tarikh tadi yang 28 dan 28 hari bulan itu terbalik.

**Tuan Pengerusi:** Rupanya Jabatan Audit pun ada salah juga ya?... *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak ada Tuan Pengerusi, kemungkinan ini kita serap ke dalam komputer mungkin yang sudah draf, bukan yang *final* kita bentang pada masa itu. Kemungkinan secara tidak...

**Tuan Pengerusi:** Hendak *testing* Jabatan Audit Negara punya siap siaga sahaja... *[Ketawa]*  
Okeylah, cemerlang jugalah.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Sudah kita boleh mula? Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah, Tuan Haji Rahim bin Mohayidin, Ketua Penolong Pengarah serta pasukan daripada kementerian. Ahli-ahli PAC, Datuk Anwari Timbalan Ketua Audit Negara bersama dengan pasukan daripada Jabatan Audit Negara. Selamat pagi dan *Assalamualaikum*. Dato', saya rasa Dato' sudah *familiar* dengan urusan PAC memandangkan ini kali kedua Dato' berdepan. Tujuannya untuk hendak menyambung semula prosiding mengenai pengurusan loji insinerator.

Itu hari masa kita- yang lepas masa kita buat prosiding ini saya rasa bila ada banyak *interjection* dalam prosiding ini, itu menyebabkan masa itu jadi panjang. Dato' pun tidak sempat hendak habiskan pada bulan lepas itu. Hari ini saya harap Dato' kalau boleh habiskan penjelasan Dato' dahulu selepas itu baru kita tanya soalan.

Jadi, yang hendak ditumpukan adalah berbalik semula pada teknologi yang dipilih itu. Teknologi itu betulkah atau tidak betul, syarikat itu mempunyai *capability* atau tidak. Kenapa kontrak sebegini besar RM200 juta di award kepada syarikat yang teknologinya ada keraguan?

Selepas itu, mengenai kesan *environment* daripada teknologi ini yang nampaknya tidak diambil kira. Mengenai pengurusan *human resource* dalam loji itu sendiri yang daripada pegawai kementerian yang ada kelemahanlah pada yang lepas. Tujuannya Datuk kita hendak pastikan bahawa apa-apa projek loji insinerator yang akan dibina oleh kementerian akan datang mengambil kira segala kelemahan yang telah berlaku dalam projek insinerator yang lepas ini supaya kita tidak hendak perkara kurang-kelemahan loji insinerator ini dari segi *outputnya*, dari segi kualiti pembakaran sampah dan sebagainya tidak berlaku lagi.

Yang Berhormat Kepong, dia memang hari ini hendak tanya soalan banyak, kerana projek insinerator yang akan datang ini akan dibuat dalam kawasan Parlimen beliau. Jadi, dia pun hendak tahu sama ada isu-isu kelemahan ini, apakah perancangan kementerian untuk mengatasi isu kelemahan loji insinerator ini? Selepas itu kita hendak tanya sikit mengenai hal pengurusan aset bomba. Terutama sekali pada projek pembelian barang *Cobra* yang bernilai RM50 juta lebih kurang. Selepas itu ada isu daripada Kementerian Kewangan. Selepas itu bomba kata tolak, kementerian kata tolak. Selepas itu pembelian itu terus dibuat juga dan akhirnya barang tersebut tidak digunakan.

Sekarang ini kita pun hendak tahu sama ada kalau tidak pakai itu adakah kementerian bercadang hendak melupuskan aset tersebut. Jadi, saya rasa dengan itu saya minta Datuk untuk teruskanlah taklimat Datuk.

#### 11.18 pg.

*[Mesyuarat dimulakan dengan prosiding berkenaan Pengurusan Loji Insinerator]*

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya pun *on behalf of my officer*, saya hendak rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota PAC yang telah bekerjasama baik dengan pihak kementerian untuk kami menyediakan jawapan...

**Tuan Pengerusi:** Dato' belum habis lagi. Hendak tanya pasal bomba.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Hendak tanya pasal bomba.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya, saya faham. Saya akan tunggu, saya akan tunggu. *I am here for them actually... [Ketawa]*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Terima kasih.

[Saksi-saksi dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

**1.15 ptg.**

**Tuan Pengerusi:** Okey Dato'. Serah pada Dato' untuk memperkenalkan pegawai Dato' dan meneruskan dengan taklimat ini.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersama-sama saya adalah Timbalan Ketua Pengarah Bomba sekarang, Dato' Mahadi Md. Ali, dan beliau akan dibantu oleh seorang lagi pegawai lah. Tuan Pengerusi, kita boleh mulakan.

**Tuan Pengerusi:** ...Ada apa-apa *presentation* kah daripada bomba?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Okey, mereka tidak menyediakan slaid. Kalau...

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita tanya dia ya?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Isu ini sebenarnya adalah mengenai pengurusan aset dalam kementerian dan terutamanya kepada bomba. Tadi kami telah di *briefing* sedikit oleh Jabatan Audit Negara yang mengatakan rata-rata sebenarnya pengurusan aset di bomba ini mantap, boleh dibanggakan. Cuma ada satu sahaja isu yang telah timbul iaitu mengenai isu pembelian barang *Cobra* yang dibeli daripada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. tanpa melalui proses tender, secara rundingan terus.

Dalam kronologi pembelian ini pun ada timbul keraguan iaitu mengenai bagaimana timbulnya permohonan untuk projek ini? Selepas itu, ada surat dan minit daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu tahun 2006, untuk mengarahkan Jabatan Bomba untuk membeli peralatan ini. Kemudian, ada maklum balas daripada Ketua Pengarah Bomba pada ketika itu dan juga kementerian yang mengatakan bahawa peralatan ini tidak termasuk dalam *procurement* Rancangan Malaysia Kesembilan dan tidak diperlukan oleh bomba.

Saya bagi kronologi, senang saya sebut ya. Kronologi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pada 3 Februari 2006, tawaran pembelian peralatan keselamatan CCS *Cobra cutting extinguisher* oleh Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. ini telah diminitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengatakan di sini pihak bomba akui kebaikan alat berteknologi tinggi ini dan pihak bomba sepatutnya ada peralatan ini;
- (ii) pada 6 Februari, kelulusan Kementerian Kewangan telah diserahkan kepada KSU KPKT pada ketika itu, Dato' Ahmad Fuad bin Ismail bagi perolehan CCS *Cobra cutting extinguisher*, ini dibuat secara rundingan terus kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd.;
- (iii) pada 22 Februari 2006, satu surat penolakan tawaran telah dibuat oleh Jabatan Bomba kepada KSP Kementerian Kewangan kerana tiada

keperluan. Alasannya tiada keperluan kerana keutamaan diberikan kepada pembinaan balai-balai lama dan penggantian kenderaan dan jentera yang telah mencapai tahap *beyond economy repair*,

- (iv) sebelum itu, pada 13 Februari, satu surat penolakan tawaran telah dikeluarkan oleh Jabatan Bomba kepada KSU KPCT kerana Jabatan Bomba tidak menyenaraikan perancangan perolehan tersebut dalam RMKe-9;
- (v) pada 28 Jun 2006, Lembaga Perolehan KPCT telah bersetuju menerima keputusan rundingan harga Syarikat Asas Jaya ini;
- (vi) pada 29 Jun 2006, surat setuju terima telah dikeluarkan kepada kontraktor ini, Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini, yang telah ditandatangani pada 6 Julai 2006. Jumlah surat setuju terima pembelian ini adalah untuk 24 unit.

#### ■1320

- (vii) pada 23 Ogos 2006, kontrak telah ditandatangani dengan Kejuruteraan Asas Jaya ini untuk pembelian 24 unit CCS Cobra ini.
- (viii) pada 29 November 2006, mesyuarat rundingan harga telah dipengerusikan oleh TKSU Pembangunan pada ketika itu.
- (ix) pada 10 Januari 2007 pula Kementerian Kewangan mengeluarkan lagi satu surat kepada KSU KPCT bagi membeli lagi 92 unit CCS Cobra ini.
- (x) pada 12 Januari 2007, surat setuju terima dikeluarkan kepada Kejuruteraan Asas Jaya bagi tambahan pembelian 92 unit CCS Cobra ini yang telah ditandatangani pada hari yang sama.

Jadi, isu yang timbul di sini adalah mengapa ada keraguan di atas keperluan membeli barang ini? Itu satu. Maknanya, MoF kata suruh beli tetapi bomba kata tidak ada keperluan.

Kedua, mengapa dilaksanakan secara rundingan terus?

Ketiga, kenapa tambah beli lagi? Ia seperti tidak ada perancangan untuk membeli aset ini dan ditambah pula itu dengan unit yang lebih besar.

Keempat, selepas itu Jabatan Audit Negara dalam audit biasa yang dibuat telah menemui bahawa barang ini tidak dipakai oleh bomba kerana ada masalah mengenai ketidaksesuaianya, *high water pressure* dan sebagainya. Selepas itu ada alat yang rosak dan bomba minta untuk hendak lupuskan peralatan yang telah rosak ini.

Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian mengenai hal ini.

**Dato' Mahadi Md. Ali [Timbalan Ketua Pengarah Operasi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat tengah hari Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC.

Kes CCS Cobra ini memang pada peringkat awal jabatan mengatakan tidak ada dalam perancangan dan kita tidak perlu. Akan tetapi bila ada keputusan mengatakan alat ini wajar dibeli,

berdasarkan kepada keputusan tersebut, KSU pada waktu itu iaitu Datuk Ahmad Fuad, melantik jawatankuasa untuk melihat peralatan ini. Berdasarkan daripada surat Kementerian Kewangan juga kita telah melantik Jawatankuasa Rundingan Harga. Memang kita ada rundingan harga untuk 10 set, 24 set pertama Tuan Pengerusi. Maknanya, 10 set pertama itu bila kita buat rundingan harga, kita bersetuju dengan harga itu dan ia dibuat secara bayaran secara FOB. Maknanya, peralatan itu dibekal, dimasukkan dalam kapal dan dibayar ikut prosedur biasalah. Akan tetapi dia punya...

**Tuan Pengerusi:** Jumlah 10 unit itu untuk *testing purposes* atau pun memang beli untuk pakai?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Untuk 24 unit pertama pada tahun 2006 itu...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Unit 10 atau 24 ini?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Harganya RM10 juta Tuan Pengerusi. Unitnya 24 unit.

**Tuan Pengerusi:** RM10 juta, bukan 10 unit.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ia punya peruntukan pertama diberi pada bulan Julai tetapi sebab kita tidak ada dalam perancangan. Tadi Yang Berbahagia KSU pada masa itu menjawab kita tidak ada keperluan. Kita jawab dua kali sebab pada 3 Mac dan 22 Februari. Akan tetapi apabila ada arahan mengatakan alat bagus dan boleh dibeli, kerajaan telah...

**Tuan Pengerusi:** No. Bukan kerja *you kah* untuk hendak membuat penilaian dan menetapkan bahawa alat itu perlu atau tidak perlu, bukannya kementerian lain.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang kita tidak ada- Tuan Pengerusi, alat CCS Cobra ini mula digunakan di Sweden dan pada masa *Highland Tower* itu dibawa di Malaysia dan digunakan di Malaysia untuk penggunaan pemotongan. Ini kerana ia ada dua jenis Tuan Pengerusi. Satu alat CCS Cobra ini ia menggunakan pam kita. Maknanya, daripada alat dia, dia ada *nozzle*, dia ada *gun* dia, dia ada *abrasive* untuk pemotongan tembok dan sebagainya. Itu menggunakan *pump* kereta bomba pada masa pertama di *Highland Tower*. Kita sudah uji pada masa itu. Akan tetapi apabila Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya minta kita membuat perolehan, memang kita tolak kerana kita tidak ada dalam perancangan. Akan tetapi apabila kerajaan mengatakan diberi peruntukan dan dimasukkan dalam mesyuarat bajet tambahan, pada bulan Oktober, diberi peruntukan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maknanya, ini bukannya keputusan daripada bomba atau pun KPKT?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Bukan keputusan daripada jabatan.

**Tuan Pengerusi:** Keputusan daripada MoF?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Daripada...

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Makna, kita beli hanya 24 unit pertama. Selepas itu, selepas sesi Bajet 2006 untuk Bajet 2007, diberi lagi duit sebanyak RM50 juta. Akan tetapi sebab saya hadir dalam mesyuarat itu, kita minta benda ini tidak boleh dibelanjakan pada tahun semasa 2006. Kalau

kerajaan mengatakan perlu diberi, kita minta ia dibawa dalam peruntukan 2007. Oleh sebab itu kita ada dua kontrak. Kontrak pertama dan kontrak tambahan. Daripada situlah...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Walaupun waktu itu- minta maaf Dato' ya. Bomba tidak perlukan dan masih lagi tidak perlukan waktu itu walaupun telah diberi...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Akan tetapi peruntukan telah pun diberi kepada kita. Diberi dan rundingan terus dibuat. Pada masa itu arwah TKSU, Encik 'Ramadan' ini dia yang mempengaruhi jawatankuasa rundingan. Kita buat perolehan pertama 24 set itu secara FOB. Kita bayar kontrak itu. Selepas itu, lepas diluluskan pada Oktober itu, bulan November datang lagi...

**Tuan Pengerusi:** RM50 juta, satu jumlah besar.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** RM50 juta untuk dibuat perolehan tambahan pada tahun 2006 tetapi kita menolak. Kita cakap tidak boleh dibelanjakan pada tahun 2006. Sekiranya kerajaan beri duit, kita minta dibawa kepada tahun 2007.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Bekalan yang 24 itu tidak dipakailah ketika itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Untuk makluman Ahli-ahli, peralatan ini dipasang di kenderaan. Ia ada dua fungsi. Satu, fungsi khusus untuk memotong tembok dan sebagainya berdasarkan kepada kes Highland Tower. Selain itu ia boleh digunakan sebagai *hose reel* biasa. Maknanya, dipasang di kereta bomba. Contohnya, kereta bomba pergi ke tempat kebakaran, pemadam kebakaran, ia digunakan. Memang kita tidak ada rekod penggunaan sebab bila kereta bomba *attend fire*, bila hendak buat pemadaman kenderaan, dia guna alat *hose reel* itu dan CCS Cobra. Ia ada dua fungsi. Kalau untuk memotong tembok, kita akan menggunakan *abrasive*. Maknanya, macam *bullet*. Akan tetapi dalam keadaan biasa kita boleh guna sebagai pemadaman kenderaan atau pemadaman peringkat awal bangunan.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Ia memang digunakanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang digunakan sebab kita tidak rekod penggunaannya. Ini kerana ia dipasang bersama kenderaan. Apabila kenderaan berkenaan *attend fire*, kalau kebakaran kenderaan, dia akan guna *hose reel*. Alat itu sebagai selain daripada untuk mengguna pemotongan konkrit dan tembok, dia guna untuk *hose reel* tanpa menggunakan *abrasive*.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Merujuk tadi pada pernyataan Dato' berkenaan dengan surat kepada MoF, jawapan kepada MoF, penolakan dua kali dihantar kepada MoF. Adakah perkara sebegini selalu berlaku atau pun memang tidak diguna pakai pandangan daripada pihak bomba untuk sesuatu item yang digunakan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dalam pengalaman saya, kes ini yang pertama. Pertama kali Yang Berhormat.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Kes terpencillah?

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi jumlahnya RM50 juta. Itu yang kami pun terbeliak mata juga, bagaimana satu perolehan sebanyak RM50 juta boleh dibuat tanpa penglibatan daripada agensi berkenaan. Wakil MoF ada di sini? Tidak datang? Saya tahu dalam Akta Kewangan memang

Kementerian Kewangan boleh membuat keputusan. Akan tetapi cuma bila perkara ini berlaku, apakah selalunya langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk hendak mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi-lah?

■1330

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Kementerian Kewangan)]:** Cuma Tuan Pengerusi, yang pertamanya proses rundingan terus ini adalah sebahagian daripada proses tender sebenarnya. Tender ini sebenarnya rundingan terus, tender terbuka, tender terhad, itu merupakan tender. Ada pembelian terus ya. Cumanya dalam aspek yang sebegini, mungkin pada masa itu ada asas-asas tertentu yang mungkin saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maknanya- saya belum lagi sampai kepada apakah asas yang digunakan untuk memilih Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *No, the idea, the initiative in the first place kan, siapa yang...? Kementerian Kewangan kah?*

**Tuan Pengerusi:** Sudah *clear*. Di sini Kementerian Kewangan. Puncanya daripada Kementerian Kewangan. Melalui Kementerian Kewangan kepada kementerian, kementerian tolak. Selepas itu kementerian bertukar fikiran, bomba bertukar fikiran dan teruskan jugalah... *[Ketawa]* Akan tetapi bukan bermakna...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya bomba tahu ada alat ini sebelum...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang alat ini diguna kebanyakannya di *Europe*, di negara Sweden dan alat ini diguna semasa *Highland Tower* runtuh itu.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Digunakan oleh siapa itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Digunakan oleh pasukan Perancis dan juga pasukan Jepun yang kita bawa daripada...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Dari luar lah ya.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Cuma dia orang punya, yang saya fikirlah, bomba punya keutamaan itu dia kata, *"Kalau hendak bagi duit, kita hendak pakai untuk benda lain, bukan pakai untuk benda ini"*. Betul? Hal! Okey. Jadi itu... *[Ketawa]*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Kalau... bukan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sebab insiden berkenaan itu jarang-jarang berlaku di Malaysia. Contohnya kita hendak potong konkrit, kita boleh guna banyak alat lain lagi.

**Tuan Pengerusi:** Jadi tidak perlulah nak beli. Kalau nak beli sedikit hendak *try* pun bolehlah 24 unit. Cuma bila beli tambah lagi sampai 92 unit itu, itu satu lagi kelemahan dalam perolehan inilah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** KSU, yang tadi bomba 24 unit itu sudah dipasang ke atas 24 kenderaan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Pada 24 kenderaan ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sudah digunakan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sudah dipasang.

**Tuan Pengerusi:** Lagi 92 itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Lagi 92 dipasang di kenderaan.

**Tuan Pengerusi:** Di kenderaan juga?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Di kenderaan juga dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Banyak juga kenderaan bomba ya.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dalam keadaan sekarang, kalau kenderaan itu hadir kebakaran, walaupun dalam kenderaan, dia akan gunakan sebagai *hose reel*.

Cuma pemotongan itu kita akan gunakan *abrasive* dia sebab keperluan untuk memotong konkrit ini jarang berlaku. Kita lebih senang menggunakan alat lain, *breaking tool* lain.

**Tuan Pengerusi:** Jadi beli barang yang sudah memang terbukti dia punya kegunaannya tetapi tidak ada kegunaan hendak pakai benda itu.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, kegunaan itu ada. Di Malaysia ini jarang berlaku situasi yang memerlukan ia digunakan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada gempa bumi semua itu baru pakailah kot.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia gempa bumi, kalau bangunan runtuh...

**Tuan Pengerusi:** Bangunan runtuh.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita hendak potong ambil masa, kita terpaksa potong dia sebab kalau kita guna *breaking tool*, dia akan gegar dan dia akan menyebabkan bangun tidak stabil. Akan tetapi kalau guna alat ini, dia tidak ada gegaran, dia potong terus, kita buka dia, kita boleh masuk di dalam itu. akan tetapi jarang berlaku di Malaysia, hanya *Highland Tower* sahaja.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Alat-alat yang kita beli ini alat yang model terkini kah atau...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, model terkini sebab dia ada dua model. Kita beli model E300, maknanya dia menggunakan sistem dia sendiri. Alat yang kita uji itu menggunakan pam kita. Kita kena *operate* melalui pam kita. Akan tetapi alat ini dia ada *genset* dia, dia ada *abrasive* dia, dia ada *gun* dia, dia ada *hose reel* dia.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dari segi kebolehan alat ini bomba memang tidak ada...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang bagus.

**Tuan Pengerusi:** ...Tidak ada khuatirlah, tidak ada ragu-ragu mengenai dia punya keberkesanan alat ini?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia boleh digunakan dua situasi. Boleh guna *hose reel* biasa dan boleh guna untuk pemotongan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau rundingan terus ini, semasa proses rundingan terus dibuat,

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita buat proses...

**Tuan Pengerusi:** Ikut prosedur tender yang telah ditetapkanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, ikut prosedur. Oleh sebab dia punya strategi, sebab pada masa itu duit dia telah bagi. *Our strategy*, kita turun harga sahajalah. Kita dapat menurunkan harganya.

**Tuan Pengerusi:** Penilaian teknikal dan juga *financial* dibuat kepada syarikat atau tidak?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Penilaian teknikal kita berdasarkan kepada- sebab benda ini datang, kita tengok dokumen...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Betul, prinsipal memang boleh buat tetapi orang yang hendak menguruskan barang ini di Malaysia ini, Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini, adakah penilaian dibuat kepada syarikat tersebut di atas keupayaan mereka secara teknikal dan juga secara *financial*?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Penilaian teknikal kita tidak buat itu sebab kita tengok dokumen sahaja, *we based on* dokumen.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Teknologi mana ini, Jermankah, Englandkah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sweden, teknologi Sweden.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Sweden.

**Tuan Pengerusi:** Jadi kalau ada masalah, siapa yang akan dipertanggungjawabkan? Selalunya, kalau tender ini diberikan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya, dia oranglah yang patutnya secara *legally* dan secara *financially* dipertanggungjawabkan sekiranya kontraktor gagal. Sekarang ini bila bomba buat penilaian tersebut, kalau ada masalah, siapa yang akan dipertanggungjawabkan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia punya alat ini *very simple* Tuan Pengerusi. Dia kita kena tengok *gun* dia, kita kena *check* biasa, ada *checking gun* dia. Selepas itu kita tengok dia punya generator dia sebab dia pakai *power* untuk gerakkan benda itu. *That*, dua itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *Servicing* siapa buat?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Anggota kita buat sebab bila dia bekal, kita ada program latihan dan dalam kontrak itu, kita buat program latihan. Bermakna, syarikat ini dia bawa pakar daripada Sweden, dia melatih anggota kita.

**Tuan Pengerusi:** Betul tetapi jikalau ada masalah macam sekarang ini Jabatan Audit Negara ada mendapati bahawa ada yang dah rosak dan sebagainya, siapa yang dipertanggungjawab untuk hendak...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Bahagian Kejuruteraan Jabatan Bomba akan melihat alat tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Bukan *servicing* dibuat oleh kontraktor, oleh *supplier*?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Oleh sebab kita sudah dilatih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bomba kena buat?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita tengok *based on manual* sahaja. *Based* pada manualnya, kita *check* benda yang sepatutnya jikalau betul rosak. Pasal ada satu kes, dia *defect manufacturer*, kita hantar balik pada dia untuk dia buat...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Maknanya *maintenance* tanggungjawab bombalah?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *In house.* Okey Tuan Pengerusi, 24 unit, 92 unit, jumlah 116 unit. Sekarang ini berapa unit beroperasi daripada 116 unit itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ia ada dua isu, Tuan Pengerusi. Satu, bila kita bawa alat tersebut kita hendak pasang di kenderaan, pada masa itu kita tengok semua kenderaan yang kurang daripada 10 tahun kita pasang alat itu. Sekarang ini tahun 2013, maknanya kereta itu sudah tuaiah. Kereta itu yang kita hendak kondem. Esok kalau alat itu kita hendak guna, sepatutnya bolehlah dibawa kepada kenderaan baru.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya 116 ini semua beroperasi?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia punya kenderaan kereta tidak beroperasi sekarang ini, alat *still* boleh dioperasi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Oh! Alat boleh beroperasi.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ha! Kereta sudah tua sudah. Sudah 15 tahun. Jadi, kita terpaksa menggunakan alat itu untuk ditempatkan di kenderaan yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Masalah kereta usang ini, hari itu saya dengan Ketua Polis Negara pun dia *complaint* sebab kereta polis sudah lama. Semalam dengan FINAS pun dia *complaint* kereta sudah lama. Sekarang ini Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan pun *complaint* kereta sudah lama. Cuma saya hendak tanya macam inilah. Jadi kalau beli kereta baru, alat ini boleh dipindahkanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Boleh dipindahkan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi untuk letak sebagai peralatan sampinganlah.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Cuma ada isu lain, Tuan Pengerusi. Bila kita hendak pindah ke kenderaan baru, *that means* dia sudah ada *hose reel* biasalah. Itu isu. Maknanya kita kena buat satu *hose reel*.

**Tuan Pengerusi:** ...Kita hendak buat pengubahsuaian yang baru pula, yang luar daripada spec biasa yang bomba ada.

Jadi ini memang satu perkara yang saya rasa merupakan perolehan yang luar biasa, yang perlu juga dijelaskan dalam Laporan Audit Negara. Jadi, saya minta Kementerian Kewangan kalau ada apa-apa maklumat mengenai proses dalaman yang digunakan untuk menentukan bagaimana rundingan terus ini dibuat, apa-apa penilaian pada syarikat dan sebagainya, kalau boleh bagilah maklumat itu kepada PAC lah. Soal daripada bomba, penilaian tidak dibuat kepada syarikat yang membekal, dibuat ke atas prinsipal sahaja. Peraturan syarikat, prinsipal syarikat yang *supplier*.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, hal *maintenance* dan sebagainya patutnya diserahkan kepada syarikat yang berkenaan tetapi nampaknya bomba sendiri yang mengambil alihlah. Harga yang dirundingkan itu adakah harga tersebut berpatutan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Saya balik awal balik semasa itu. Strategi harga kita, kita sudah turun harga. Memang kita minta harga yang ikut *survey* kitalah dalam *range* dia. Akan tetapi isunya,

bila ada pemasangan, dipasang di Sabah, di Sarawak, kos untuk pemasangan itu, ada sedikit turun naik. Harga *equipment* itu memang ada dalam *range* dia.

**Tuan Pengerusi:** Harga *equipment* ikut *recommended price* yang- ada dibuat perbandingan dengan negara lainlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sebab alat ini dari Sweden dan kita *check* daripada tempat yang...

**Tuan Pengerusi:** At least perbandingan harga *equipment* itu telah dibuat. Cumanya perbezaan harga itu hanya timbul dari segi bila pemasangan dan sebagainya. Banyak beza dia? Adakah melebihi harga barang?... [Ketawa]

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kenaikan dia dalam 5% hingga 8% sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Berpatutanlah kos untuk memasang dan sebagainya, 5% hingga 8%? Itu kenyataan daripada bombalah ya. Okey, Ahli-ahli semua puas? Okey. Jadi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato' kerana sudi untuk datang memberikan keterangan kepada kita.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi PAC kerana sudi mendengar penerangan kita.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Kita sedia menerima penerangan daripada mana-mana pihak. Kita hendak adil kepada pihak kerajaan dan juga kepada rakyat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tidak pernah ada kes jabatan tolak peruntukan yang kementerian bagi, dua kali surat tolak, dapat juga lagi.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Because kes unik sebab itu kita panggil. Okey, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Arpah kerana sudi...

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, untuk kali keduanya saya pun hendak mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Okey, thank you Dato'.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.41 petang]**



